



**PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

**SURAT PEKELILING PTPTN BILANGAN 3 TAHUN 2010**

**PINDAAN HAD PENDAPATAN IBUBAPA ATAU PENJAGA BAGI  
PENENTUAN KELAYAKAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN ATAS JUMLAH  
PEMBIAYAAN PENUH, SEBAHAGIAN DAN YURAN**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai pindaan had pendapatan ibu bapa atau penjaga bagi penentuan kelayakan pembiayaan pendidikan atas jumlah pembiayaan penuh, sebahagian dan yuran.

**LATARBELAKANG**

2. Mengikut perenggan 3 Pekeliling PTPTN Bil.3 Tahun 2007, had pendapatan ibubapa atau penjaga yang melayakkan pelajar mendapat pembiayaan penuh ialah RM3,000 dan ke bawah, pembiayaan sebahagian ialah RM3,001 hingga RM5,000 dan yuran pengajian ialah RM5,001 dan ke atas.

**PELAKSANAAN**

3. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, maka peruntukan di perenggan 3 dalam Pekeliling PTPTN Bil. 3 Tahun 2007 dipinda seperti berikut:-

<b>Jumlah Pembiayaan</b>	<b>Mulai 1 Julai 2010</b>
Penuh	Pendapatan tidak melebihi RM4,000
Sebahagian	Pendapatan melebihi RM4,000 - RM5,000
Yuran Pengajian	Pendapatan melebihi RM5,000


**TARIKH KUATKUASA**

4. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2010.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(WAN AHMAD BIN WAN YUSOFF)**

Pemangku Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

25 Jun 2010